

16 DEC 1998

DAIM-BELANJA

DAIM MINTA RAKYAT YAKIN DENGAN USAHA PEMULIHAN EKONOMI

LANGKAWI, 16 Dis (Bernama) -- Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin hari ini meminta rakyat menunjukkan keyakinan terhadap pemulihan ekonomi negara dengan berbelanja untuk membantu memulihkan ekonomi domestik.

"Kita galak mereka simpan wang tapi mesti juga belanja kerana simpanan kita dalam negara adalah sebanyak 40 peratus. Jadi terpaksa berbelanja sedikit, jika tidak peniaga akan teruk terjejas," katanya di sini.

Daim berkata kerajaan telahpun memperkenalkan langkah bagi menggalakkan perbelanjaan domestik, antaranya penurunan had minimum bayaran kad kredit daripada 15 peratus kepada lima peratus serta cuti pada Sabtu sekali dalam sebulan.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di sini, Daim yang juga Pengerusi Bersama LADA berkata:

"Rakyat perlu berbelanja. Jadi kerajaan berharap permintaan dalam dan luar negeri akan bertambah dan dengan cara itu ekonomi negara akan pulih", katanya.

Apa yang penting usaha kerajaan memberikan cuti Sabtu sebulan sekali juga perlu dimanfaatkan dengan melancong di dalam negeri untuk menggerakkan kegiatan ekonomi.

Daim juga berkata usaha pemulihan yang dijalankan kerajaan memang betul walaupun menerima pelbagai kritikan sebelum ini.

Semalam, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata kritikan terhadap usaha kerajaan memulihkan ekonomi terutama selepas langkah kawalan mata wang dan modal diadakan sejak tiga bulan setengah lalu, mulai berkurangan.

Mengulas mengenai perkara itu, Daim berkata "Kita memang kata apa yang kita buat dan dalam keadaan Malaysia memang kita telah buktikan betul kerana sekarang bank-bank pun sudah mula mengeluarkan pinjaman".

"..jadi kita boleh menurunkan kadar faedah supaya orang ramai boleh meminjam dan sekaligus orang berniaga boleh bernafas balik", jelasnya.

Daim berkata ekonomi negara telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan kerana pada suku ketiga tahun ini Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menguncup kepada 8.6 dan pada suku keempat pula mungkin baik daripada itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menghadiri sidang kemuncak Asean ke-16 di Hanoi berkata ekonomi negara bagi keseluruhan 1998 akan menguncup sebanyak 6 peratus.

Berhubung perkembangan itu, Daim berkata ini menunjukkan tanda-tanda kepercayaan sudah mula pulih dan kerajaan berharap sekarang rakyat sendiri menunjukkan kepercayaan.

"Kita telah turunkan kadar faedah termasuk menurunkan faedah kad kredit di samping menggalakkan rakyat menyimpan wang", jelasnya.

Mengenai projek pembangunan di Langkawi, Daim berkata pihak berkuasa di sini telah menangguhkan kelulusan projek baru berikutan permintaan pemaju perumahan di sini supaya kerajaan tidak memberikan kelulusan buat sementara waktu bagi projek baru.

Ini berikutan terdapat "unjuran berlebihan", katanya sambil menambah pemaju terbabit juga mengadakan kempen pemilihan rumah yang diadakan di sini, katanya.

-- BERNAMA

NH OS